

MOHD KHAIRI

B. Harlan (M)

- 6 OCT 1990

DATA JAGUH

- **NAMA:** Mohd Khairi Abdul Rahman
- **UMUR:** 26
- **TARIKH LAHIR:** 7 November 1964
- **TINGGI:** 169sm
- **BERAT:** 55kg
- **STATUS:** Belum Kahwin
- **KELUARGA:** Lima adik beradik (4 lelaki/1 perempuan)
- **KEDUDUKAN DALAM KELUARGA:** Anak sulung
- **ASAL:** Muar, Johor
- **ALAMAT:** Lot 6249, Bukit Jati, Shahbandaraya, 41000, Klang, Selangor
- **MULA MEMPELJARI SILAT:** Umur 14
- **MULA MEWAKILI SELANGOR:** 1986
- **MULA MEWAKILI NEGARA:** 1987
- **PENCAPAIAN:**
Pingat perak (Kategori C 50kg-55kg) di Kejujangan Silat Kebangsaan 1986; pingat gangsa di Kejujangan Silat Sedunia 1987; pingat perak di Kejujangan Silat Kebangsaan 1988; pingat emas dan anugerah pesilat terbaik di Kejujangan Silat Kebangsaan, pingat gangsa di Pesta Sukan Brunei Darussalam dan pingat emas di Kejujangan Silat Sedunia, Amsterdam 1990.

RUZAI DI

DATA JAGUH

- **NAMA:** Ruzaidi Abd Rahman
- **UMUR:** 25
- **TARIKH LAHIR:** 14 Mei 1965
- **TINGGI:** 179sm
- **BERAT:** 70kg
- **STATUS:** Belum kahwin
- **KELUARGA:** Lapan adik beradik (4 lelaki/4 perempuan)
- **KEDUDUKAN DALAM KELUARGA:** Anak kedua.
- **ASAL:** Kampung Meru, Klang, Selangor.
- **ALAMAT:** Lot 2596, Jalan Salleh, Batu 5, Meru, Klang.
- **MULA MEMPELJARI SILAT:** Umur 14 tahun
- **MULA MEWAKILI SELANGOR:** 1986
- **MULA MEWAKILI NEGARA:** 1987
- **SILAT YANG DIPELAJARI:** Silat Jawa Cemandey, Silat Sabit Indera Sakti, Abjad Asli Jabot Kilat dan Pertubuan Seni Silat Gayong Malaysia.
- **PENCAPAIAN:** Mendapat pingat perak bagi (Kelas G 70-75kg) di Kejujangan Silat Kebangsaan 1986; mewakili negara di Kejujangan Silat Sedunia di Kuala Lumpur 1987; pingat emas (Kelas F 65-70kg) di Kejujangan Silat Kebangsaan 1988; pingat emas (Kelas F) Sukan Sea XV Kuala Lumpur 1989; pingat emas Kejujangan Silat Kebangsaan, pingat emas Pesta Sukan Brunei Darussalam, pingat emas Kejujangan Silat Sedunia di Amsterdam 1990.

PAHLAWAN KLANG

UNTUK mendapat sebutir pingat emas, pesilat negara, Mohd Khairi Abd Rahman dan Rozaidi Abd Rahman terpaksa menghabiskan masa lebih dua tahun memerah tenaga menjalani latihan.

Tidak sekadar itu saja, mereka juga kadang kala hanya makan biskuit kerana menghadapi masalah kewangan dan tidur di masjid untuk membolehkan mereka menjalani latihan sebelah petang.

Semua pengalaman ini mereka lalui ketika menjalani latihan di Stadium Kota Raja Klang sejak gagal memungut emas di Kejohanan Silat Sedunia, di Kuala Lumpur, tiga tahun lalu.

Kini mereka berbangga kerana segala kepayahan dilalui sebelum ini akhirnya membawa hasil juga. Mohd Khairi mendapat pingat emas dalam Kategori C (50kg-55kg) dan Rozaidi pingat emas Kategori F (65kg-70kg) di Kejohanan Silat Sedunia di Amsterdam, baru-baru ini.

Ruzaidi berkata mereka sanggup menghadapi kepayahan itu kerana masing-masing terikat kepada azam mahu mendapatkan pingat emas di kejohanan itu.

Katanya selain latihan dengan Mohd Khairi dalam tempoh yang sama dia juga mengadakan latihan sendiri, termasuk latihan alatontera.

"Saya berlari selang sehari dengan membawa batu-bata dibelakang, di samping latihan lain, terutama mempelajari cara pukulan yang boleh melemahkan lawan," kata Ruzaidi yang menewaskan lawannya dari Switzerland, Belanda, Indonesia dan Belgium.

Mengenai kemenangannya, Ruzaidi berkata sebenarnya dalam silat olahraga juga menggunakan psikologi sama seperti sukan lain untuk menumpaskan lawan. Jika tidak menggunakan psikologi, sukar bagi seseorang itu untuk menundukkan lawannya.

"Kali pertama mengambil bahagian dalam kejohanan silat sedunia, saya hanya tahu menyerang dan membuat pukulan kepada lawan saja, tanpa mengambil kira soal psikologi.

"Memang dari segi kekuatan masa itu saya menang dengan melepaskan banyak pukulan tepat kepada lawan, tetapi sebaliknya di segi pungutan mata, saya tewas," katanya.

Mohd Khairi pula menganggap kejayaannya itu memberi 'hidup baru' kepadanya, kerana selama tempoh itu dia langsung tidak memedulikan soal pekerjaan, makan minum dan lain-lain.

"Saya lebih banyak menghabiskan masa untuk silat, hinggalah pekerjaan saya terkorban. Kini tiba masanya untuk saya kembali hidup sepertimana orang lain yang bekerja dan mempunyai sumber pendapatan yang dapat menjamin masa depan," katanya.

Katanya dia pernah bertugas dengan tiga syarikat swasta tetapi kerana semua jawatan disandang menyekatnya daripada menjalani latihan, dia mengambil keputusan berhenti.

- 6 OCT 1990

B. Harlan (M)